

GARIS PANDUAN

ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SABAH

BERKUATKUASA 1.6.2014

ISI KANDUNGAN

- KATA-KATA ALUAN SETIAUSAHA TETAP
- OBJEKTIF
- PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT
- AKSESORI
- PERKARA YANG DILARANG DALAM ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT
- PENUTUP

KATA-KATA ALUAN SETIAUSAHA TETAP



Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

Sepertimana sedia maklum, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) adalah merupakan sebuah Kementerian yang sering berurusan dengan pelbagai kumpulan pelanggan dan agensi luar. Oleh yang demikian, keperluan mewujudkan budaya profesional termasuklah imej penampilan diri warga Kementerian amat penting untuk mencerminkan kredibiliti organisasi KKTP. Penampilan secara profesional ketika bertugas di dalam atau luar pejabat tidak dinafikan akan memberikan persepsi positif pelanggan terhadap tahap penyampaian perkhidmatan KKTP. Sehubungan dengan itu, Garis Panduan ini direalisasikan untuk memastikan ketrampilan dan tatacara pemakaian warga Kementerian dapat mempamerkan tanggapan dan imej yang positif kepada semua pelanggan yang berurusan di KKTP.

Selain ruang pejabat yang kemas, penampilan dan tatacara berpakaian setiap warga kerja akan menjadi tanggapan pertama pelanggan. Pemilihan pemakaian pula hendaklah berdasarkan keselesaan dalam melaksanakan tugas, tidak menjolok mata dan bergantung dengan tahap kewangan masing-masing. Sekiranya budaya berpakaian ini dapat disemai dalam jiwa warga KKTP, saya yakin bahawa KKTP akan memberi imej yang baik kepada semua pelanggannya.

Dengan itu, saya berharap agar buku Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan ke Pejabat ini dapat dijadikan rujukan agar kita sama-sama dapat membentuk imej berpakaian yang kemas dan profesional bagi meningkatkan keyakinan dan persepsi pihak luar yang berurusan dengan KKTP.

DATUK MATIUS SATOR

OBJEKTIF

Garis Panduan ini diterbitkan untuk dijadikan rujukan kepada penjawat awam KKTP supaya wujud keseragaman, cara berpakaian dan penampilan diri yang dapat menampilkan imej korporat kepada KKTP. Panduan ini menjelaskan secara terperinci tatacara berpakaian berdasarkan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa (Arahan Perkhidmatan Negeri Sabah,Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 1985:Pakaian Masa Bekerja Dan Semasa Menghadiri Upacara-Upacara Rasmi Bagi Pegawai-Pegawai Awam) dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2013 : Pemakaian *Two/Three-Piece Suit* Pants Bagi Pegawai Awam Wanita Semasa Bekerja. Kegagalan mematuhi peraturan ini boleh menyebabkan penjawat awam KKTP diambil tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008.







PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT

PAKAIAN PEJABAT (PEREMPUAN)



- Baju kurung adalah merupakan salah satu daripada pakaian Kebangsaan.
- Pemakaian baju kurung ke pejabat adalah digalakkan terutamanya apabila melaksanakan tugasan rasmi seperti di Dewan Undangan Negeri, menghadiri mesyuarat dan lain-lain.
- Fesyen baju kurung hendaklah tidak keterlaluan dan tidak menggunakan fabrik dan jenis kain yang jarang.



SUIT PEREMPUAN



- Pemakaian *Two/Three Suit* bagi pegawai wanita, boleh dipakai dengan *"slacks"* atau seluar panjang, skirt paras lutut dan skirt labuh yang diperbuat daripada bahan yang bersesuaian dan padan dari segi warna dan corak. Warna gelap adalah digalakkan.
- Kot mestilah melebihi sedikit daripada paras punggung. Seluar panjang hendaklah tidak ketat dan menjolok mata.
- Baju kemeja hendaklah berlengan panjang dan berwarna cerah (lengan baju tidak dilipatkan).





- Penggunaan baju blaus adalah dibolehkan. Namun begitu, pakaian tersebut harus dipakai dengan skirt paras lutut /skirt labuh yang bersesuaian.

- Pemakaian baju blaus dengan *"slacks"* atau seluar panjang atau berpakaian *ala-punjabi* adalah tidak dibenarkan.





X

PAKAIAN ALTERNATIF KE PEJABAT- PEREMPUAN

PAKAIAN KE PEJABAT - LELAKI

PAKAIAN PEJABAT (LELAKI)

- Bagi tujuan memberi keselesaan semasa menjalankan tugas di pejabat, pegawai pengurusan dan profesional lelaki boleh memakai baju kemeja berlengan panjang, seluar panjang dan tali leher tanpa memakai kot.
- Manakala bagi pegawai sokongan pula dibenarkan untuk memakai baju kemeja lengan panjang/ pendek dan seluar panjang.
- Pemakaian warna yang cerah untuk baju dan gelap untuk seluar adalah digalakkan.





SUIT LELAKI



LELAKI

- *Lounge Suit* bagi pegawai lelaki adalah pemakaian kot dan seluar panjang yang diperbuat daripada bahan yang bersesuaian dan padan dari segi corak dan warna. Warna gelap adalah digalakkan.
- Baju kemeja hendaklah berlengan panjang dan berwarna cerah (lengan baju tidak dilipatkan).
- Tali leher yang digunakan adalah bersesuaian dengan warna kemeja yang dipakai.



PAKAIAN BAJU MELAYU



- Pakaian baju Melayu lengkap adalah dibenarkan pada hari Jumaat.
- Baju Melayu hendaklah dipakai dengan lengkap iaitu bersamping, bersongkok hitam atau berwarna gelap dan berbutang.
- Baju Melayu tidak dibenarkan dipakai dengan seluar yang berbeza warna atau jenis bahan dan berselipar

PAKAIAN SERAGAM



- Kakitangan KKTPS yang dibekalkan dengan pakaian seragam hendaklah memakai pakaian tersebut semasa ke pejabat.
- Pakaian seragam tersebut hendaklah dipakai bersama seluar panjang berwarna gelap.





BAJU KORPORAT

- Pakaian Korporat KKTP diwajibkan pemakaiannya pada setiap hari selasa.
- Pakaian tersebut hendaklah disesuaikan dengan seluar panjang yang berwarna gelap.
- Manakala bagi wanita pula, pakaian tersebut boleh dipakai dengan seluar panjang berwarna gelap, skirt labuh atau pendek.
- Walau bagaimanapun, mana-mana pegawai dan kakitangan yang menghadiri mesyuarat di luar pejabat adalah tidak dibenarkan memakai pakaian ini.



BAJU BATIK



- Pemakaian batik adalah digalakkan pada setiap hari Khamis.
- Batik yang digunakan hendaklah merupakan batik Malaysia.
- Pegawai lelaki perlu memakai baju batik (seperti baju kemeja dan berlengan panjang) dan berseluar panjang.
- Baju batik digalakkan untuk dibawa bersama jika menjalankan tugasan rasmi di luar negara kerana sebagai lambang warisan serta mempromosikan identiti Malaysia.










AKSESORI

LELAKI	WANITA
Tali Leher Pegawai Lelaki diwajibkan memakai tali leher ke pejabat semasa Majlis-Majlis rasmi dan acara-acara rasmi yang menetapkan etika pemakaian tersebut. **Pin Tali Leher** Dipakai di tengah-tengah tali leher **Tanda Nama** Setiap warga KKTP mestilah sentiasa memakai tanda nama /pas pekerja sepanjang berada di kawasan pejabat ataupun ketika melakukan tugasan rasmi di luar pejabat. **Tali Pinggang** Warna tali pinggang adalah digalakkan berwarna gelap atau sama dengan warna kasut. **Jam Tangan** Reka bentuk, warna dan bahan adalah bersesuaian dengan suasana kerja di pejabat **Kasut dan stokin** Kasut yang dipakai mestilah berkilat dan berwarna gelap. Stokin yang dipakai juga berwarna gelap dan sepadan dengan warna seluar yang dipakai.	**Tali Pinggang** Warna tali pinggang adalah digalakkan berwarna gelap atau sama dengan warna kasut **Jam Tangan** Reka bentuk, warna dan bahan adalah bersesuaian dengan suasana kerja di pejabat **Tanda Nama** Setiap warga KKTP mestilah sentiasa memakai tanda nama /pas pekerja sepanjang berada di kawasan pejabat ataupun ketika melakukan tugasan rasmi di luar pejabat. **Rantai/Gelang/Cincin** Barang kemas hendaklah dipakai secara sederhana dan tidak terlalu menonjol **Kasut dan stokin** Kasut yang dipakai mestilah berkilat dan berwarna gelap. Stokin adalah berwarna kulit.

PERKARA YANG DILARANG DALAM ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT



LELAKI

YA		TIDAK
KEPALA/MUKA ·Rambut sentiasa disikat ·Berkepala botak hanya dibenarkan oleh sebab-sebab berikut sahaja: i) Genetik ii)Penyakit iii)Amalan agama/Kepercayaan(Umrah/Haji)		**KEPALA/MUKA** ·Rambut panjang, tidak terurus, berwarna atau dibuat dengan gaya *punk* atau *skinhead* ·Menindik telinga/hidung/lidah ·Misai tidak dijaga rapi
BADAN ·Memakai tanda nama ·Kolar baju dan hujung tangan mesti kelihatan ½ daripada kot ·Warna tali leher dan baju yang dipakai adalah sepadan ·Hujung kepala tali leher mencecah paras kepala tali pinggang		**BADAN** Badan berbau dan tidak bersih ·Berkuku panjang dan kotor ·Memakai pakaian yang tidak tersenarai sebagai pakaian ke pejabat ·Tali leher berkarektar kartun atau logo yang tidak sepatutnya ·Pakaian yang tidak digosok kemas atau dibasuh
KAKI ·Memakai kasut kulit yang sentiasa berkilat ·Memakai stokin yang berpadanan dengan warna seluar		**KAKI** ·Berseluar jenis jeans ·Memakai kasut sukan dengan pakaian pejabat ·Berselipar atau hanya memakai sandal

PENAMPILAN: Sentiasa senyum, ramah dan berkelakuan sewajarnya
Mengamalkan etika dan protokol yang berkadaran dengan suasana semasa

PEREMPUAN

YA		TIDAK
KEPALA/MUKA ·Rambut sentiasa disikat kemasa atau disanggul ·Tudung yang dipakai hendaklah berpadanan dengan warna baju ·Memakai subang yang bersesuaian ·Mengenakan mekap yang berkadaran		**KEPALA/MUKA** ·Rambut berserabai dan dibiarkan tidak terurus ·Kombinasi warna mekap tidak sesuai dan keterlaluan ·Tudung yang lusuh dan tidak digosok kemas •Mewarnakan rambut secara berlebihan
BADAN ·Memakai tanda nama ·Kombinasi corak dan warna adalah berpadanan ·Memakai pewangi yang menyenangkan dan berkadaran ·Memakai aksesori yang tidak terlalu sarat dan mewah ·Sentiasa memakai kot (jika memakai suit)		**BADAN** ·Badan berbau dan tidak bersih ·Berkuku panjang dan kotor ·Mamakai pakaian jarang, ketat atau kombinasi fesyen tidak diterima sebagai pakaian ke pejabat ·Pakaian yang tidak digosok kemas atau dibasuh ·Kemeja yang bercetakkan perkataan yang tidak sesuai,logo, gambar atau slogan yang bercirikan unsur politik, seram,lucah dan yang seumpamanya ·Kemeja T (T-Shirt)
KAKI ·Memakai kasut kulit yang bertutup dan sentiasa berkilat ·Memakai stoking berwarna kulit/gelap		**KAKI** ·Berseluar jenis jeans ·Memakai kasut sukan dengan pakaian pejabat ·Berselipar atau hanya memakai sandal

PENAMPILAN: Sentiasa senyum, ramah dan berkelakuan sewajarnya
Mengamalkan etika dan protokol yang berkadaran dengan suasana semasa

PENUTUP

Buku Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan Pemakaian ke Pejabat ini disediakan bagi memudahkan pemahaman dan rujukan warga KKTP terhadap etika dan penampilan pemakaian ke pejabat. Amalan ini adalah penting untuk diterapkan dan menjadi sebahagian daripada usaha memupuk budaya perkhidmatan yang cemerlang KKTP dalam usaha menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan KKTP kepada *stakeholder* dan pelanggannya. Pengurusan KKTP percaya bahawa imej dan penampilan yang kemas dan lebih beretika ini akan memberi persepsi positif dan keyakinan kepada semua pelanggan yang berurusan dengan KKTP.

Justeru, peranan warga KKTP adalah perlu dalam usaha untuk merealisasikan harapan tersebut. Ini adalah usaha KKTP untuk sentiasa peka dnegan perubahan dan keperluan semasa malah sentiasa bersedia untuk memberikan yang terbaik demi mencapai misi dan visi KKTP.



Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan
Tingkat 3-6, Blok C,
Wisma Tun Fuad Stephens,
88999, KOTA KINABALU

Tel : 088-256744 Faks: 234076/236177

Website: http://www.sabah.gov.my/mlgh